

Headline	Warga universiti penggerak kecemerlangan	Language	MALAY
Date	02. Sep 2008	Page No	17
Media Title	Berita Harian	Article Size	237 cm²
Section	Pendidikan	Frequency	Daily
Circulation	217920	Color	Full Color
Readership	2083000	AdValue	4202.84



Warga universiti penggerak kecemerlangan

WARGA universiti perlu berperanan sebagai penggerak utama memaju dan mentransformasikan universiti secara menyeluruh untuk muncul sebagai institusi pendidikan tinggi tersohor hingga ke peringkat global.

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah, berkata perubahan ke arah kecemerlangan universiti bukanlah proses yang boleh berlaku dengan sendirinya, sebaliknya perlu dirancang, diurus dan dikawal dengan teliti serta disiplin selain sikap komited terhadap budaya perubahan.

"Kita tidak boleh mudah berpuas hati dan begitu selesa dengan kejayaan semasa, sebaliknya perlu melakukan penambahbaikan secara berterusan.

"Sebagai sebuah pusat pendidikan berstatus universiti penyelidikan, UPM memerlukan kakitangan yang memiliki nilai tambah positif dan kreativiti yang mantap agar dapat menunjang kekuatan universiti.

"Cabaran besar ini kita harapkan daripada warga UPM agar mampu berperanan sebagai pekerja berilmu yang sentiasa kreatif, inovatif dalam menangani cabaran mampu, mampu menganalisis senario



MESRA: Nik Mustapha (tiga dari kiri) berbual dengan Omar (kanan) yang terpilih sebagai penerima Anugerah Khas Universiti - Tokoh Putra Terbilang UPM 2008.

semasa serta perubahan bakal berlaku selain berani berdepan dengan risiko," katanya pada Majlis Gemilang Putra di Serdang, baru-baru ini.

Pada majlis itu, Nik Mustapha menyampaikan lima anugerah utama kepada 629 kakitangan cemerlang UPM bagi menghargai kecemerlangan kualiti kerja berkaitan bidang pengajaran, penyelidikan, perkhidmatan profesional

dan sokongan.

Anugerah berkenaan ialah Fellowship Naib Canselor yang disampaikan kepada lima penerima, Anugerah Jasa Putra (83), Anugerah Setia Putra (26), Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (447) dan Anugerah Bakti Putra (66).

Anugerah tertinggi iaitu Anugerah Khas Universiti - Tokoh Putra Terbilang diraih Juruteknik Kanan, Pusat

Sukan UPM yang juga Presiden Cuepacs, Omar Osman.

Masing-masing menerima anugerah berupa Sijil Simpanan Premium bernilai antara RM300 hingga RM15,000 berserta sijil penghargaan.

Bagi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Seri Putra, masing-masing menerima wang tunai RM1,000 dan jam tangan bernilai RM300.